

BANDAR SERI BEGAWAN,
Selasa, 7 Februari. - Seramai tujuh
pelajar siswazah Universiti Islam
Sultan Sharif Ali (UNISSA)
berlepas ke Osaka, Jepun bagi
mengikuti The Osaka University
International Certificate
Programme (OUICP).

Pelajar yang menyertai program
ini merupakan pelajar siswazah
yang mengambil jurusan Master of
Halal Science di Pusat

Penyelidikan Halalan Thayyiban,
UNISSA. Program ini
akan berjalan selama dua bulan di
Kampus Suita, Osaka University,
Jepun.

Kumpulan pelajar ini merupakan
kumpulan ketiga yang mengikuti
program ini sejak ia ditawarkan
pada tahun 2020. Pelajar
juga menerima biasiswa
daripada Osaka University dan
Japan Student Services
Organization.

Osaka University merupakan
salah satu universiti yang berprestij
dan dalam kedudukan tiga teratas
di antara universiti di Jepun.

Reputasi ini menunjukkan
inisiatif mereka untuk menawarkan
program-program bagi pelajar luar
dengan mengenakan program
dibawah Osaka University ASEAN
Campuses seperti The Osaka
University International Certificate
Programme.

UNISSA menyambut baik



MANISNYA IMAN مانيسن ايمان

"SETIAP yang beryawa akan merasai mati. Dan sesungguhnya pada
Hari Kiamat sahalalah akan disempurnakan balasan kamu.
Oleh itu, sesiapa yang dihindarkan daripada neraka dan dimasukkan
ke dalam syurga maka sesungguhnya dia telah berjaya.
Dan tiadalah kehidupan di dunia melainkan hanyalah
kesenangan yang memperdayakan".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam
Surah Ali 'Imraan, ayat 185.

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 5.07 | SUBUH 5.17 | SYURUK 6.36 | DUHA 6.59 | ZUHUR 12.35 | ASAR 3.56 | MAGHRIB 6.33 | ISYAK 7.44

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 68 BILANGAN 17

8 FEBRUARI 2023 / 1444 رجب 17

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

7 SISWAZAH UNISSA IKUTI OUICP

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

peluang yang ada bagi pelajar
untuk menimba ilmu dan
menambah pengalaman dengan
mengikuti program
pengantarabangsaan yang
ditawarkan oleh mana-mana
universiti di luar negara.

Peluang pelajar untuk
meningkatkan prestasi akademik
dan juga menyerlah dalam
penyelidikan halal dan
seterusnya dapat meningkatkan

employability pelajar dalam
industri halal yang semakin
berkembang pesat.

Turut hadir di Lapangan Terbang
Antarabangsa Brunei bagi
mengucapkan selamat berlepas
ialah Pengarah di Pusat
Penyelidikan Halalan Thayyiban
UNISSA, Pengiran Dr. Hajah
Norkhairiah binti Pengiran Haji
Hashim beserta tenaga akademik
yang lain.



SERAMAI tujuh pelajar siswazah Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berlepas ke Osaka, Jepun bagi mengikuti The Osaka University International Certificate Programme (OUICP) yang berjalan selama dua bulan.